



PEGAWAI kanan UMS dan UMS-KAL bersama Dr. Kamaruzaman Ampon (lima dari kanan) di hadapan replika Laman 1Malaysia, di Labuan, baru-baru ini.

Dewan kuliah pusat, perpustakaan bernilai RM24 juta

# UMS-KAL bina dua projek besar

UM 22/6/2011 30

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA  
utusansabah@utusan.com.my

**LABUAN** 21 Jun - Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membina dewan kuliah pusat dan perpustakaan bernilai kira-kira RM24 juta di UMS-Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata,

dewan kuliah pusat itu menelan kos RM18 juta, manakala perpustakaan pula RM6 juta.

Katanya, dua projek besar dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10) itu akan dimulakan November ini dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun atau 24 bulan.

"Kita juga akan menaik taraf kemudahan sukan dan kolej kediaman penuntut serta kemudahan lain un-

tuk memberi keselesaan kepada mereka dan kakitangan UMS Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Pembangunan Tertinggi (MPT) di Bilik Seminar, Bangunan Menara UMS-KAL baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Madya Dr. Kassim Mansur; Pengarah

UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Shariff Abdul Kadir Omang dan Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelegaraan (JPP) UMS, Ir. Mohd. Roslee Mohd. Ali Lee.

Kamaruzaman berkata, kampus UMS-KAL yang sudah berusia lebih 10 tahun memerlukan pemantauan dan penyelenggaraan bagi memastikan keselesaan penuntut dan kakitangannya.

Menurut beliau, UMS telah banyak membangunkan UMS-KAL dengan menyediakan pelbagai projek pembangunan sejak ia ditubuhkan pada 1999.

"Pihak pengurusan UMS akan memastikan UMS-KAL juga akan dibangunkan sama seperti kampus induk supaya ia boleh dimanfaatkan oleh penuntut dan kakitangan," ujarnya.